BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/02/59 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Khamis, 28 Mac 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
FEBRUARI 2002

Pada bulan Februari, penunjuk monetari dan kewangan utama menunjuk ke arah peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan keyakinan pasaran. Bekalan wang, deposit, pinjaman dan rizab antarabangsa adalah lebih tinggi pada bulan Februari. Sementara itu, kadar faedah antara bank kekal stabil dalam suasana inflasi yang rendah. Keadaan semasa memihak kepada dasar monetari untuk kekal akomodatif bagi menyokong pemulihan ekonomi.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Pada bulan ini, **kadar faedah antara bank** kekal rendah. Operasi mudah tunai BNM menyerap RM5 bilion bagi mengimbangi kesan pengembangan akibat daripada pengeluaran deposit Kerajaan dari BNM dan peningkatan aliran masuk dana bersih menerusi perdagangan dan pelaburan portfolio.



Operasi mudah tunai BNM bertujuan mengekalkan kestabilan kadar faedah antara bank



Mudah tunai kekal lega



Kadar faedah antara bank kekal rendah

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Sementara itu, **kadar purata berian pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun masing-masing kepada 6.58% dan 10.16% (akhir bulan Januari: 6.64% dan 10.20%).

Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



BLR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, manakala ALR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun

Pada 15 Mac, **purata kadar faedah deposit tetap** yang ditawarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan juga kekal tidak berubah, dengan masing-masing berada pada 3.20–4.00% dan 3.20–4.01%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Pada 15 Mac, kadar faedah deposit tetap bank perdagangan kekal stabil

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



…begitu juga dengan kadar faedah deposit tetap syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar faedah benar deposit tetap 3-bulan adalah lebih rendah sedikit

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan mata wang serantau pada bulan Februari

Pada bulan Februari, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama**. Nilai ringgit menyusut berbanding euro (0.3%) dan paun sterling (0.3%), sementara meningkat nilai berbanding yen Jepun (0.8%), selaras dengan pergerakan dolar AS dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Dolar AS dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan pasaran mengenai amalan perakaunan korporat di Amerika Syarikat berikutan kegagalan Enron, iaitu pembekal kuasa yang besar. Yen Jepun menyusut nilai berbanding dolar AS berikutan penurunan taraf beberapa bank dan syarikat insurans nyawa Jepun yang besar, serta kebimbangan pasaran mengenai masalah sektor kewangan Jepun.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding won Korea (1.5%), dolar Singapura (0.2%) dan peso Filipina (0.1%), sementara menyusut nilai berbanding rupiah Indonesia dan baht Thai, masing-masing sebanyak 1.3% dan 0.5%. Pergerakan mata wang serantau kebanyakannya dipengaruhi oleh perkembangan domestik, serta keyakinan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi serantau, selaras dengan jangkaan pemulihan ekonomi AS. Peso Filipina dan baht Thai mendapat manfaat daripada kemasukan dana luar negara yang berkaitan dengan pasaran ekuiti, manakala won Korea menyusut nilai berikutan keluaran bersih modal daripada pasaran ekuiti.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1–25 Mac 2002**, nilai ringgit menyusut berbanding mata wang utama. Nilai ringgit menurun berbanding euro sebanyak 1.3%, berbanding paun sterling

sebanyak 0.3% dan berbanding yen Jepun sebanyak 0.9%. Nilai yen meningkat berbanding dolar AS berikutan penghantaran balik dana menjelang akhir tahun fiskal pada bulan Mac, dan juga aliran masuk modal yang berkaitan dengan pasaran ekuiti berikutan langkah-langkah perundangan yang lebih ketat berhubung jualan singkat dalam pasaran saham Jepun. Euro dan franc Swiss juga meningkat nilai berbanding dolar AS disebabkan kebimbangan pasaran terhadap ketegangan di antara AS dengan Iraq. Ringgit juga menyusut nilai berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 0.1–4.1%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Feb. 2002	25 Mac 2002	% Perubahan		
				Februari 2002	Akhir-2001 - 25 Mac 2002	2 Sep. 1998 - 25 Mac 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.2872	3.3303	-0.3	1.1	-
Paun sterling	6.3708	5.3932	5.4085	-0.3	2.0	17.8
100 yen Jepun	2.7742	2.8378	2.8626	0.8	1.1	-3.1
Dolar Singapura	2.1998	2.0716	2.0737	0.2	-1.0	6.1
100 baht Thai	9.3713	8.6947	8.7548	-0.5	-1.7	7.0
100 peso Filipina	8.8302	7.4117	7.4331	0.1	-0.9	18.8
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0373	0.0389	-1.3	-6.2	-9.0
100 won Korea	0.2827	0.2868	0.2871	1.5	0.4	-1.5

Inflasi mencatatkan sedikit kenaikan

Inflasi**,** yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat sedikit kepada 1.2% pada asas tahunan pada bulan Februari (Januari: 1.1%). Peningkatan dalam kadar inflasi ini terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan. Walau bagaimanapun, kesan kenaikan bagi harga makanan ke atas IHP keseluruhan telah diimbangi oleh harga yang lebih rendah atau kenaikan harga yang lebih rendah di dalam sub-kumpulan yang lain.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi mencatatkan sedikit kenaikan

Harga pengeluar mencatatkan kadar kejatuhan yang lebih perlahan

Harga pengeluar, yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR), mencatatkan kejatuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 1.9% pada bulan Januari (Disember 2001: -4.5%). Kejatuhan yang lebih perlahan di dalam IHPR keseluruhan disebabkan oleh pemulihan nyata harga minyak sawit mentah, walaupun harga getah dan minyak mentah terus lemah. Tidak termasuk sub-kumpulan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sedikit, iaitu sebanyak 0.2%.



Harga pengeluar mencatatkan kadar kejatuhan yang lebih perlahan

Peningkatan yang tinggi dalam bekalan wang

Ketiga-tiga **agregat monetari** mengembang pada bulan Februari. Wang secara luas, M3, meningkat sebanyak RM7.7 bilion atau 1.6% sementara M1 meningkat sebanyak RM0.4 bilion atau 0.5%. Pada asas tahunan, M1, M2 dan M3 terus meningkat iaitu masing-masing sebanyak 11.1%, 3.7% dan 3.9%.

Peningkatan dalam M3 pada bulan Februari adalah disebabkan oleh operasi luar yang mengembang (RM4.7 bilion) mencerminkan aliran masuk perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk bersih dana portfolio. Tuntutan ke atas sektor swasta juga lebih tinggi (RM4.3 bilion) disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman dan sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh institusi perbankan. Di samping itu, operasi Kerajaan juga memberi kesan mengembang ke atas bekalan wang, mencerminkan pengeluaran deposit oleh Kerajaan dari BNM untuk membiayai perbelanjaannya.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Kadar pertumbuhan tahunan meningkat..

M3: Perubahan Bulanan



M3 meningkat pada asas bulanan…

Penentu-penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2001	2002		
	Dis	Jan	Feb	Jan-Feb
M3	4.1	3.0	7.7	10.8
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.8	4.2	2.9	7.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.1	0.7	4.3	5.0
Operasi luar [1/]	1.4	-1.3	4.7	3.5
Pengaruh lain	3.5	-0.6	-4.2	-4.8

[1/] sebelum penilaian semula

… berikutan operasi luar dan Kerajaan yang mengembang serta tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi

Deposit dan pinjaman sistem perbankan meningkat

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** terus meningkat sebanyak RM6.1 bilion atau 1.3% pada bulan Februari. Peningkatan ini adalah disebabkan simpanan perjanjian beli balik (repo) yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan serta deposit tetap dan tabungan individu yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat sebanyak 2.3% pada akhir bulan Februari.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001	2002	
	Dis.	**Jan.**	**Feb.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-40	1,234	-1,620
Kerajaan Negeri	25	-172	232
Badan Berkanun[1/]	818	911	1,360
Institusi Kewangan	1,657	1,327	228
Perusahaan Perniagaan	936	-2,604	2,961
Individu	2,673	522	3,097
Lain-lain	-154	27	-126
Jumlah	**5,916**	**1,245**	**6,132**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Kenaikan dalam deposit adalah disebabkan simpanan yang lebih tinggi oleh individu, perusahaan perniagaan dan badan berkanun

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001	2002	
	Dis.	**Jan.**	**Feb.**
Jenis			
Deposit tetap	-2,712	-381	1,724
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	327	449	620
Deposit permintaan	2,738	1,604	-2
Deposit tabungan	863	36	1,341
Perjanjian beli balik *(Repo)*	4,069	-3,203	1,645
Deposit mata wang asing	-415	-220	1,335
Deposit SPI	1,199	2,934	-405
Lain-lain	-154	27	-126
Jumlah	**5,916**	**1,245**	**6,132**

Mengikut jenis deposit, deposit yang lebih tinggi dicerminkan dalam deposit tetap dan tabungan serta repo

Kelulusan pinjaman berjumlah RM9.6 bilion pada bulan Februari. Sebahagian besar daripada kelulusan terus diberikan untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Pada masa yang sama, **pengeluaran pinjaman** kekal tinggi pada RM30.3 bilion. Pengeluaran pinjaman kekal meluas dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit; serta pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Kelulusan dan pengeluaran pinjaman kekal tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi

Pinjaman yang belum dijelaskan yang disalurkan oleh sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM2.9 bilion pada bulan Februari. Pada asas tahunan, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 4.3% pada akhir bulan Februari.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2002		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Jan.	Feb.	Feb.
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	-13	-238	12,142
Perlombongan dan kuari	-86	-141	1,311
Perkilangan	368	44	68,813
Bekalan elektrik, gas dan air	-813	273	4,777
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	50	-33	38,908
Sektor harta benda yang luas	405	899	177,127
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,325*	*866*	*89,258*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	-76	242	12,641
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-331	412	35,457
Kredit penggunaan	1,252	1,018	71,684
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*1,074*	*841*	*47,415*
Kad kredit	*80*	*93*	*9,115*
Pembelian sekuriti	-54	385	30,703
Lain-lain	-143	81	20,374
Jumlah Pinjaman[1/]	**561**	**2,941**	**473,936**

[1/] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat

Pembiayaan agregat melalui pinjaman dan sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih tinggi

Jumlah pembiayaan melalui **pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta** meningkat sebanyak RM4 bilion pada bulan Februari. Dengan itu, kadar pertumbuhan tahunan meningkat kepada 6.3% pada akhir bulan Februari (akhir bulan Januari: 5.7%).

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2002			2002	
	Jan	Feb	Jan-Feb	Jan	Feb
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**-0.3**	**2.9**	**2.6**	**5.0**	**5.5**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	0.6	2.9	3.5	3.7	4.3
Pegangan sekuriti hutang swasta	-0.9	…	-0.9	35.3	35.0
Jumlah PDS * (2)	**-1.8**	**1.1**	**-0.7**	**14.6**	**15.1**
Jumlah (1) + (2)	**-1.3**	**4.0**	**2.8**	**5.7**	**6.3**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Februari berjumlah RM1.6 bilion. Ini disebabkan oleh dana yang lebih tinggi diperolehi oleh sektor swasta melalui terbitan sekuriti hutang dan saham. Di samping itu, sektor awam mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM728 juta berikutan penebusan SKM yang lebih tinggi.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) adalah lebih rendah sedikit pada bulan Februari. KLSE CI berada pada paras yang lebih tinggi dalam tempoh dua minggu pertama bulan ini dengan minat belian berikutan berita tentang pendapatan korporat yang bertambah baik dan perkembangan positif dalam penstrukturan semula sektor korporat. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua bulan ini, prestasi BSKL terjejas

disebabkan aktiviti pengambilan untung dan prestasi lemah pasaran global. Pada 28 Februari, KLSE CI ditutup pada 708.91 mata (-1.4% sejak akhir bulan Januari), sementara permodalan pasaran adalah sebanyak RM479.21 bilion (-1.4% sejak akhir bulan Januari). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 281.5 juta unit (Januari: 348.9 juta unit).



KLSE CI pulih pada bulan Mac

KLSE CI pulih pada bulan Mac dengan minat belian yang tinggi berikutan berita tentang pendapatan korporat yang lebih baik dan prospek ekonomi yang bertambah baik. Pada 25 Mac, KLSE CI ditutup pada 746.26 mata (+5.3% sejak akhir bulan Februari), sementara permodalan pasaran adalah sebanyak RM507 bilion (+5.6% sejak akhir bulan Februari). Purata urusniaga harian adalah sebanyak 273.8 juta unit (Februari: 281.5 juta unit).

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM meningkat kepada RM119.6 bilion atau AS$31.5 bilion pada 28 Februari. Rizab meningkat lagi kepada RM124 bilion atau AS$32.6 bilion pada 14 Mac. Peningkatan rizab ini mencerminkan aliran masuk perolehan eksport yang berterusan, kemasukan bersih dana portfolio dan pengambilan perolehan daripada pinjaman luar negeri. Pada bulan Mac, Kerajaan Persekutuan telah membuka semula Nota AS$1 bilion dengan kadar kupon sebanyak 7.5% yang matang pada tahun 2011 dengan nilai tambahan sebanyak AS$750 juta. Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 5.5 bulan import tertangguh dan adalah 5.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan tetap kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan tetap kukuh pada bulan Februari, walaupun modal asas sebuah bank asing tidak lagi diambil kira berikutan penggabungannya dengan sebuah bank asing yang lain pada bulan ini. **Nisbah modal berwajaran risiko** (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) adalah mantap masing-masing pada tahap 12.5% dan 10.6% pada akhir bulan Februari.

Jumlah **pinjaman tidak berbayar** (NPL) bersih menurun sebanyak 1.7% kepada RM33.3 bilion setakat akhir bulan Februari hasil kejayaan penstrukturan semula beberapa peminjam bersaiz besar. Jumlah NPL yang lebih rendah di samping jumlah pinjaman yang meningkat telah membawa kepada nisbah NPL bersih yang lebih rendah pada tahap 8.2%.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun.	Dis.	Jan.	Feb.
Modal							
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	10.5	10.8	10.7	10.6
RWCR (%)	11.8	12.5	12.5	12.6	12.8	12.5	12.5
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
Sistem perbankan (%)	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.4	8.2
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,870	33,294
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal



….RWCR kekal pada tahap 12.5%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…Nisbah NPL bersih menurun kepada 8.2%

Danaharta telah melaksanakan atau meluluskan pelaksanaan skim-skim penstrukturan semula bagi hampir keseluruhan (99.9%) NPL yang berada di bawah pengurusannya dan dijangka akan menumpukan perhatian pula kepada pelaksanaan strategi pemulihan yang telah diluluskan sehingga tarikh yang disasarkan, iaitu pada tahun 2005.

Sejajar dengan ini, Danaharta telah selesai melaksanakan satu tender hartanah khusus pada bulan Februari 2002 yang melibatkan 30 buah unit kedai pejabat enam tingkat dengan jumlah nilai indikatif sebanyak RM31.9 juta. Sebagaimana tender hartanah terbuka yang dijalankan oleh Danaharta dari semasa ke semasa, tender khusus ini adalah sebahagian daripada usaha Danaharta untuk melupuskan hartanah kepada pasaran secara teratur dan pada masa yang sesuai, dengan objektif untuk memaksimumkan nilai pemulihan

NPL yang bercagarkan hartanah ini. Unit-unit ini telah habis dijual dengan menghasilkan sebanyak RM30.7 juta, yang merupakan 96% daripada jumlah nilai indikatif hartanah ini. Berikutan sambutan yang menggalakkan ini, Danaharta telah melancarkan satu lagi tender hartanah khusus yang melibatkan 327 ekar tanah pegangan kekal di Melaka pada 5 Mac 2002. Tender khusus ini akan ditutup pada 4 April.

Suntikan modal oleh Danamodal kekal pada tahap RM2.1 bilion setakat akhir bulan Februari. Setakat 22 Mac, CDRC telah menyelesaikan 41 kes yang melibatkan hutang berjumlah RM36.4 bilion. CDRC kini sedang mengkaji skim resolusi pinjaman untuk baki 10 kes lagi dengan jumlah hutang sebanyak RM18.2 bilion, yang dijangka akan diselesaikan pada pertengahan tahun 2002.

Statistik kes-kes CDRC setakat 22 Mac 2002

	Jumlah hutang* (RM juta)	**Bilangan kes**
Diterima	**67,644**	**87**
Ditarik balik/Ditolak	**10,606**	**25**
Dipindahkan kepada Danaharta	**2,470**	**11**
Kes yang dikendalikan oleh CDRC	**54,568**	**51**
Selesai dirumuskan	**36,373**	**41**
Selesai dilaksanakan	*28,714*	*24*
Dalam pelaksanaan	*7,659*	*17*
Belum diselesaikan	**18,195**	**10**
Disemak semula	*1,025*	*1*
Sedang disusun semula oleh CDRC	*17,170*	*9*

* termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir

Bank Negara Malaysia
28 Mac 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Januari 2001		Februari 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	42.8	-0.5	41.6	5.7
M1	83.6	5.8	84.0	11.1
M2	360.4	1.2	368.2	3.7
M3	472.5	2.4	480.2	3.9
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	480.2	1.3	486.4	2.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	471.0	3.7	473.9	4.3
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	411.6	3.6	413.9	3.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)	85.7		85.1	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	10.6		9.6	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	31.7		30.3	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.5		12.5	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.4		8.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	117.5		119.6	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	30.9		31.5	
Bilangan bulan import tertangguh	5.2		5.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.90 [2.88]		2.95 [2.84]	
3-bulan	3.23 [3.07]		3.25 [3.01]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21 [3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	102.3	1.1	102.6	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	123.7	-1.9	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.2773		3.2872	
Paun Sterling	5.3753		5.3932	
Dolar Singapura	2.0756		2.0716	
100 Yen Jepun	2.8609		2.8378	
100 Baht Thai	8.6501		8.6947	
100 Peso Filipina	7.4197		7.4117	
100 Rupiah Indonesia	0.0368		0.0373	
100 Won Korea	0.2910		0.2868	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperolehi oleh:				
sektor awam (RM bilion)	-		-0.7	
sektor swasta (RM bilion)	-0.8		2.3	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	718.82		708.91	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	485.89		479.21	